

30 JAN 1997

Sosial

SELANGOR TUBUH BADAN KHAS PERANGI MASALAH SOSIAL REMAJA

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Kerajaan Selangor akan menubuhkan sebuah badan khas untuk membimbing golongan remaja daripada terjerumus ke dalam gejala sosial.

Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib berkata badan itu akan menyediakan pelbagai program termasuk dalam bidang keagamaan.

Exco kerajaan negeri Selangor yang bermesyuarat semalam bersetuju supaya badan itu ditubuhkan dengan mencontohi kejayaan Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK).

Yayasan itu menjalankan program seperti menyediakan bantuan, alat-alat dan melatih anak-anak miskin dalam usaha membasmi kemiskinan di Selangor.

"Kita hendak buat secara besar-besaran...bagaimana anak-anak muda dapat dibawa ke dalam kursus sebelum mereka menyeberang lebih jauh dan terbabit misalnya dengan dadah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Ke Arah Pemantapan Institusi Masjid di Hotel Pan Pacific.

Muhammad berkata masalah gejala sosial perlu ditangani segera kerana Lembah Klang merupakan antara tempat utama yang menghadapi masalah itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini meminta Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri supaya bertindak terhadap pusat-pusat maksiat yang boleh menimbulkan gejala sosial kepada rakyat terutama golongan muda.

Muhammad meminta orang ramai, pertubuhan serta masjid membantu kerajaan bagi mengatasi masalah gejala sosial.

"Kerajaan semata-mata tidak mampu menyelesaikan masalah ini... kita boleh menghentikan operasi hiburan pada pukul 12 malam tetapi anak-anak muda boleh pergi ke tempat lain selepas itu dan melakukan kegiatan yang boleh merosakkan diri," katanya.

Menurutnya, masjid boleh mengadakan program untuk menghampiri golongan muda yang berkeliaran di tempat-tempat seperti pasar raya dan membimbing mereka dalam soal agama.

Di SHAH ALAM, Muhammad berkata Selangor akan menggembelng ribuan tenaga sukarela melalui penubuhan badan khas itu yang akan berfungsi menyelaraskan semua usaha tenaga sukarela seperti jawatankuasa masjid, pertubuhan bukan kerajaan dan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).

Penuntut IPT misalnya boleh bergerak melalui badan itu untuk mendekati remaja belasan tahun yang berkeliaran di pasar raya untuk dibimbing sebelum mereka terlanjur, katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan kuih Hari Raya kepada pasukan keselamatan di Bangunan Umno Selangor.

Selain penubuhan badan itu, katanya, Kerajaan Negeri juga telah membuat keputusan mewajibkan semua pusat hiburan ditutup pada pukul 12 tengah malam pada hari biasa dan mungkin dibenarkan dilanjutkan sedikit pada hujung minggu termasuk bagi tayangan larut malam di pawagam.

"Saya telah mengarahkan semua pihak berkuasa tempatan bertindak tegas selaras undang-undang yang ada...kita tak mahu dengar sebarang alasan lagi adanya pusat hiburan dibuka sehingga lima pagi," katanya.

Pada majlis itu Muhammad dan isteri Puan Sri Asbi Rohani Asnan menyampaikan 3,000 bungkusan kuih raya kepada Ketua Polis Selangor Datuk Haji Arshad Mokhtar, Komandan Pasukan Polis Hutan Briged Tengah Sulaiman Ali dan Panglima II Briged Infantri Brig Jen Mohd Amin Mohd Salleh.

Pada majlis itu Muhammad juga mengumumkan sumbangan kerajaan negeri RM19,600 untuk balu bekas tentera dan polis di Selangor dan RM5,000 kepada keluarga Halipah Ibrahim bersama enam anaknya yang ditinggalkan suaminya

dan kini menyewa RM30 sebulan di Batu Tiga, Shah Alam. -- BERNAMA
AZZ MNY NMO